

28/08/1999

ITM labur RM1.2b tingkat prasarana

Zainudin Isa

SHAH ALAM, Jumaat - Institut Teknologi Mara (ITM) yang dinaikkan taraf menjadi universiti, semalam akan membina prasarana lebih lengkap termasuk fakulti akademik baru di kampus induk dan cawangan di seluruh negara membabitkan pelaburan hampir RM1.2 bilion.

Rektornya, Profesor Datuk Dr Ahmad Zaidee Laidin, berkata projek membina kemudahan baru itu sememangnya sudah lama dirancang dan sesetengahnya hampir siap.

"Jika kita lihat kosnya bukanlah sedikit. Angka yang sebegini banyak menunjukkan kita memang sudah bersedia menjadi sebuah universiti," katanya ketika ditemu bual Berita Harian di pejabatnya di sini, hari ini.

Antara projek pembinaan terbesar ialah kompleks menara berkembar 20+20 yang membabitkan perbelanjaan RM164 juta bagi menempatkan tiga fakulti serta jabatan pengurusan dan pentadbiran.

Sejumlah RM500 juta lagi untuk pembinaan asrama di semua cawangan bagi menampung keperluan kira-kira 28,000 pelajar yang akan dilaksanakan secara berperingkat bermula Oktober ini.

Selain itu, RM600 juta disediakan bagi membina kampus cawangan di Kuala Selangor melalui Rancangan Malaysia ke-8 yang akan menempatkan fakulti Komputer Sains, Sains Sukan, Matematik dan Senibina, manakala RM63.4 juta untuk kampus di Pulau Pinang.

Dr Ahmad Zaidee berkata, sebuah kompleks kesihatan juga akan dibina di kampus induk yang mampu menampung 7,000 pelajar pada satu masa.

Beliau berkata, semua kemudahan berkenaan sejajar hasrat menjadikan institut itu sebagai universiti mega serta jangkauan meningkatnya pelajar kepada 150,000 pelajar menjelang 2005.

Sambil menyifatkan pengumuman ITM akan menjadi universiti oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad, adalah satu kejutan, ia juga satu sejarah baru pendidikan negara.

"Saya sendiri tidak tahu Perdana Menteri akan membuat pengisytiharan seperti ini kerana perkara ini sebenarnya sudah lama diminta oleh pentadbir ITM sebelum ini.

"Apabila Perdana Menteri sendiri mengakui kelebihan ITM, pastinya ia bukan sembarangan kerana tentunya beliau sudah membuat penilai dan pertimbangan yang sedalam-dalamnya," katanya.

Dr Ahmad Zaidee berkata, ketika ini draf pindaan Akta ITM yang baru untuk menjadikannya universiti sedang disediakan oleh seorang pensyarah kajian undang-undang institut.

"Kita bersedia pada bila-bila masa saja untuk menyerahkannya (draf pindaan) kepada Kementerian Pendidikan sebelum dibentangkan di Parlimen," katanya.

Beliau turut mengulangi jaminan bahawa institut tidak akan dibuka kepada semua kaum setelah menjadi universiti.

"ITM diamanahkan untuk memberi kemudahan pengajian tinggi kepada pelajar Bumiputera sekali gus meningkatkan taraf sosioekonomi mereka.

"Apa yang kita hendak samakan dengan universiti ialah dari segi kedudukan gaji kakitangan, kemudahan pembelajaran yang lebih baik dan kualiti pengajian," katanya.

Beliau juga berkata, dengan pengumuman itu lulusan ITM seharusnya berasa bangga dan tidak lagi menganggap diri mereka graduan kelas kedua.

Dalam temu bual itu Dr Ahmad Zaidee turut menekankan mengenai yuran kemasukan pelajar yang tidak akan dinaikkan dengan sewenang-wenangnya.

(END)